

## FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERANAN GURU DALAM PELAKSANAAN KURIKULUM STANDARD PRASEKOLAH KEBANGSAAN (KSPK) DI MALAYSIA

**\*Rosmah Binti Abd. Ghani**

Jabatan Pendidikan Prasekolah, IPG Kampus Sultan Mizan

*\*rosmahabdghani@yahoo.com*

**Mariani Md Nor**

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

**Abstract:** Pembentangan ini akan membincangkan kajian dan Isu Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan oleh guru prasekolah. Kajian kualitatif ini bertujuan memerihalkan dan memahami pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) di prasekolah. Fokus kajian kepada proses sebenar yang berlaku dalam amalan pengajaran dan pembelajaran di kelas prasekolah yang melibatkan fasa-fasa perancangan, penyampaian dan penilaian. Oleh kerana aktiviti yang terkandung dalam pendidikan prasekolah bersifat kompleks dan dinamik, perspektif adaptasi adalah lebih sesuai digunakan untuk mengkaji pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan di kelas prasekolah di samping memerihalkan peranan yang dimainkan oleh guru dalam melaksanakan kurikulum agar menepati perkara yang dirancang, dan faktor-faktor yang mempengaruhi guru dalam melakukan adaptasi terhadap kurikulum. Peserta kajian terdiri daripada empat orang guru yang mengajar di sekitar daerah Besut, Terengganu, Malaysia yang dipilih secara bertujuan berdasarkan latar belakang pendidikan atau latihan dan pengalaman mengajar. Data di kumpul melalui kaedah pemerhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran guru tersebut selama tiga bulan, kaedah temu bual dengan guru, dan analisis dokumen kurikulum yang berkaitan. Kesahan dan kebolehpercayaan dapatan dipertingkatkan dengan menggunakan strategi triangulasi, pemerhatian jangka masa panjang, semakan ahli, menyatakan bias pengkaji dan jejak audit. Kajian rintis awal telah dilaksanakan dan mendapati faktor utama yang mempengaruhi guru dalam membuat adaptasi untuk memenuhi matlamat dan objektif kurikulum adalah tahap pemahaman guru, amalan pengajaran guru, kemudahan peralatan dan infrastruktur. Kajian juga mendapati ruang untuk melakukan adaptasi kurikulum adalah sangat besar kerana status tahap pemantauan yang masih kurang dilakukan sama ada di peringkat Kementerian (Nazir), Jabatan Pelajaran, PPD dan juga oleh pihak pentadbir sesebuah sekolah. Jurang perbezaan ini adalah bergantung pada faktor sikap, minat dan konsepsi guru tentang kepentingan Pendidikan prasekolah dan peranan mereka berhubung dengan perkara itu. Dapatan kajian ini boleh memberi implikasi kepada pelaksanaan kurikulum prasekolah yang perlu mengambil kira ciri-ciri unik kurikulum ini dengan memberi penekanan terhadap tiga elemen iaitu perancangan guru, aktiviti yang dijalankan oleh guru dan bentuk penilaian yang di guna pakai dalam melaksanakan KSPK.

**Kata Kunci:** *Faktor mempengaruhi, Peranan Guru, Kurikulum, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).*

### PENGENALAN

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2010) adalah merupakan dokumen rujukan standard yang perlu dipatuhi oleh semua pengelola atau pengusaha tadika. Ia menetapkan parameter dan kandungan pengajaran dan pembelajaran minimum yang perlu dilaksanakan di tadika. Terdapat enam tunjang yang perlu didedahkan kepada kanak-kanak ialah tunjang bahasa dan komunikasi, tunjang kerohanian, sikap dan nilai, tunjang keterampilan diri, tunjang perkembangan fizikal dan estetika, tunjang sains dan teknologi serta tunjang kemanusiaan. Ini bermaksud proses pendidikan prasekolah bertujuan memperkembangkan potensi kanak-kanak empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu.

Pendidikan prasekolah merupakan pengalaman awal yang penting dalam dunia persekolahan kepada seseorang kanak-kanak. Pengalaman persekolahan dan pembelajaran yang berkesan, bermakna dan menggembirakan dapat membekalkan mereka dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan formal dan pendidikan sepanjang hayat. Peluang

pendidikan prasekolah diberi kepada semua kanak-kanak tanpa mengira latar belakang sosial, agama, lokasi tempat tinggal, keadaan kesihatan mental dan fizikal kanak-kanak serta perkembangan intelek mereka.

Hasil kajian jangka panjang mendapati pelaburan pada peringkat awal kanak-kanak memberi pulangan yang positif kepada kerajaan dan masyarakat. Pada masa yang sama, semakin banyak hasil kajian neurosains menunjukkan kaitan antara pendedahan rangsangan pada peringkat awal dengan perkembangan minda kanak-kanak yang optimum. Menyedari hakikat ini maka pada tahun 1996, prasekolah telah dimasukkan ke dalam sistem pendidikan kebangsaan dan pada tahun 2003 Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang pertama telah dilaksanakan. Selepas lima tahun pelaksanaan, Kurikulum Prasekolah Kebangsaan 2003 telah disemak dan akhirnya Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah dihasilkan dan dilaksanakan mulai 2010 di semua prasekolah kerajaan dan bukan kerajaan.

Proses perkembangan kanak-kanak adalah berterusan. Oleh itu persediaan dan pengalaman awal kanak-kanak memerlukan kurikulum yang universal, terancang, mantap, relevan dengan perkembangan semasa serta dapat memenuhi keperluan individu dan negara. Namun kejayaan sesuatu kurikulum itu banyak bergantung kepada guru sebagai pelaksana. Menurut Zawawi (2008), kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan sesuatu kurikulum bergantung kepada kefahaman dan penghayatan pelaksana di bilik darjah.

Walau bagaimanapun, pelaksana boleh menyesuaikan kandungan kurikulum dengan keadaan dan situasi. Pelaksana juga perlu mempunyai pengetahuan tentang psikologi kanak-kanak, prihatin kepada perbezaan kanak-kanak dari segi keupayaan, minat dan latar belakang serta peka terhadap perubahan dan perkembangan pendidikan terkini. Justeru, guru dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan amalan yang bersesuaian dengan perkembangan murid. Apa yang menjadi tanda tanya adalah adakah senario sebenar ini berlaku di prasekolah?


### ***Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Prasekolah***

Kurikulum merupakan nadi dan ilmu teras dalam bidang pendidikan (Ishak, 2003) dan menjadi nafas kepada Sistem Pendidikan Negara (Saedah 2000). Ishak (2003) menyatakan bahawa produk yang baik dihasilkan daripada satu sistem pendidikan yang terancang. Pendidikan yang terancang itu bermula dari peringkat pembinaan kurikulum yang berkualiti seterusnya pelaksanaan kurikulum tersebut. Ini bermakna kualiti sistem pendidikan dalam sesebuah negara bergantung pada kualiti kurikulum yang dibina serta proses perancangan serta pelaksanaan kurikulum yang berkesan.

Kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan sesuatu kurikulum bergantung kepada kefahaman dan penghayatan serta pelaksanaan oleh guru di bilik darjah. Zawawi (2008), menyatakan pelaksanaan yang baik dan cemerlang akan menghasilkan pada akhirnya nanti sebuah kejayaan dalam sistem pendidikan manakala kegagalannya pula akan memberikan impak negatif kepada sistem pendidikan negara.

Dalam konteks Kurikulum Pendidikan Prasekolah di Malaysia pula, sudah timbul kesedaran tentang kepentingan pendidikan awal. Pada tahun 1996, pendidikan prasekolah telah dimasukkan ke dalam sistem pendidikan kebangsaan dan pada tahun 2003 Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang pertama telah dilaksanakan. Selepas lima tahun pelaksanaan, Kurikulum Prasekolah Kebangsaan 2003 telah disemak dan akhirnya Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah dihasilkan. Ia mula dilaksanakan 2010 di semua prasekolah kerajaan dan bukan kerajaan. Namun apa yang menjadi kerisauan sejauh manakah konsepsi dan penghayatan guru prasekolah sebagai pelaksana utama KSPK.


Kepentingan pendidikan prasekolah sebagai penyediaan kepada kanak-kanak ke alam persekolahan telah banyak didokumentasikan. Menurut UNESCO, pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan yang penting dalam perkembangan minda kanak-kanak dan dapat mengurangkan kekurangan sedia ada dan di masa depan. Kajian dijalankan di Amerika Syarikat mendapati kanak-kanak yang mengikuti pendidikan prasekolah, lebih komited dalam pendidikan dan memperolehi pendapatan lebih tinggi pada masa hadapan (Rajah 1.1).



Rajah 1.1. Kesan Pendidikan Prasekolah dalam jangka masa panjang

Kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2008) menunjukkan bahawa faktor yang menyumbang kepada keciciran pelajar adalah disebabkan ketidakupayaan untuk menerima pelajaran yang diajar. Kajian berkenaan menunjukkan hampir 32,000 pelajar cicir dari pelbagai peringkat persekolahan. Ini adalah berkait rapat dengan faktor sejauh manakah guru prasekolah mampu melaksanakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Adakah semua guru prasekolah mahir menterjemahkan kurikulum KSPK ke dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mereka?

Menurut kajian yang dijalankan di United Kingdom (2003), Pendidikan berkualiti peringkat awal kanak-kanak adalah kritikal memandangkan kadar kegagalan adalah kumulatif. Pendidikan yang kurang berkualiti pada peringkat awal akan merugikan masa depan pelajar. Kegagalan oleh guru sebagai pelaksana kurikulum akan menyumbang kepada tahap kualiti pendidikan berada pada tahap kritikal. Adalah dihasratkan melalui kajian ini dapat mendalami bagaimanakah pelaksanaan sebenar kurikulum di kelas prasekolah.



Rajah 1.2. Pendidikan berkualiti peringkat awal kanak-kanak adalah berada pada peringkat kritikal

Kegagalan oleh guru sebagai pelaksana kurikulum akan menyumbang kepada tahap kualiti pendidikan berada pada tahap kritikal. Menurut Cummiskey (2007), pengetahuan tentang pelaksanaan kurikulum akan menjelaskan peranan yang dimainkan oleh guru dari aspek perancangan, pelaksanaan, dan penilaian. Hasil daripada kajian pelaksanaan kurikulum yang sedemikian memberi gambaran yang jelas tentang perkara-perkara yang perlu dititikberatkan ke arah penambahbaikan dari semasa ke semasa (Johnson, 2007) khususnya kepada organisasi yang terlibat dalam mata pelajaran ini dan juga perancangan kurikulum di peringkat pusat.

Aspek yang seharusnya dipatuhi oleh guru berdasarkan kurikulum yang digubal bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran semakin dipinggirkan di kebanyakan sekolah di dunia. Hal ini menyebabkan wujudnya jurang yang ketara antara perkara yang diajar dengan perkara yang seharusnya murid pelajari (Bailey & Dismore, 2004; Corby et al., 2005; De Vries, 2004; Hardman, 2006; Hardman & Marshall, 2000; John & Dimmock, 1999; Olofsson, 2003; Wee Eng Hoe, 2003).

Kajian-kajian yang dijalankan di luar negara mendapati bahawa guru tidak melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan baik disebabkan kurangnya pengetahuan dalam bidang yang diajar. Aspek saiz kelas, kemudahan infrastruktur serta peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bagi membolehkan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan berkesan juga menentukan keberkesanan kurikulum. Persoalannya mengapakah guru yang mendapat latihan dalam bidang pendidikan yang berkenaan pun masih tidak melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan (Chad, Humbert & Jackson, 1999; De Vries, 2004; Thomas & Beudoin, 2002).

Adalah diharapkan kajian yang akan dijalankan ini dapat memerihalkan proses sebenar yang berlaku dalam pelaksanaan kurikulum prasekolah oleh guru di sekolah terhadap Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang mula dilaksanakan pada tahun 2010. Untuk tujuan tersebut, kajian kualitatif yang menggunakan pelbagai kaedah kutipan data seperti pemerhatian, temu bual dengan guru dan murid, dan analisis dokumen yang berkaitan. Hal ini kerana terlalu kurang kajian yang dijalankan secara holistik, terperinci dan mendalam. Ini bertujuan menyiasat keadaan sebenar pengajaran dan pembelajaran prasekolah di Malaysia yang menitik berat dan mengambil kira ketiga-tiga domain psikomotor, kognitif, dan efektif (Graber, 2001; McKenzie, Sallis, Pochaska, Conway, Marshall, & Rosengard, 2004; Steinhart, 1992; Wuest & Bucher, 2009) dalam melahirkan insan yang seimbang dari aspek JERIS sealiran dengan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

### ***Objektif dan Persoalan Kajian***

Tujuan kajian kualitatif ini ialah untuk memerihalkan dan memahami pelaksanaan kurikulum pendidikan prasekolah dengan memberi fokus kepada faktor yang mempengaruhi pemahaman konsep kurikulum serta peranan yang dimainkan oleh guru dalam ketiga-tiga fasa iaitu perancangan, penyampaian dan penilaian. Kajian ini cuba menjawab soalan yang berikut:

- (1) Apakah konsepsi guru terhadap kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan?
  - i. Apakah kepentingan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan mengikut pandangan guru?
  - ii. Bagaimanakah guru melihat peranan mereka dalam hal ini?
  
- (2) Bagaimanakah Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan dilaksanakan oleh guru?
  - i. Apakah perancangan guru dalam melaksanakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan?
  - ii. Apakah aktiviti yang dijalankan oleh guru dalam melaksanakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan?
  - iii. Apakah bentuk penilaian yang diberikan dalam melaksanakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan?

### ***Reka Bentuk Kajian***

Reka bentuk kajian merupakan struktur kepada sesuatu kajian dan melibatkan perancangan dalam memilih sumber dan jenis data yang diperlukan dalam sesuatu penyelidikan (Maxwell, 2005). Reka bentuk kajian yang digunakan bergantung kepada tujuan dan soalan kajian. Oleh sebab tujuan kajian adalah untuk memerihalkan dan memahami faktor yang mempengaruhi proses pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), maka reka bentuk penyelidikan kualitatif adalah yang paling bersesuaian. Hal ini kerana penyelidikan kualitatif mementingkan proses dan membantu dalam memahami sesuatu fenomena dalam persekitaran semula jadi (Bogden & Biklen, 2007); Maxwell, 2005; Merriam 2001). Selain daripada itu, reka bentuk ini sesuai kerana kajian ini meneroka secara mendalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah yang dilaporkan tidak dilaksanakan seperti yang dihasratkan. Di samping itu, kajian ini juga mendeskripsi secara terperinci peranan yang dimainkan oleh guru selaku agen pelaksana kurikulum itu di sekolah. Jenis penyelidikan kualitatif yang digunakan adalah jenis asas atau generik (Merriam, 2001), iaitu jenis yang menggambarkan ciri-ciri asas penyelidikan kualitatif. Mengikut Merriam, jenis inilah yang paling banyak digunakan dalam penyelidikan pendidikan.

Bersesuaian dengan tujuan kajian untuk memerihalkan dan memahami faktor yang mempengaruhi peranan guru dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah, kajian ini melihat pelaksanaan kurikulum itu di kelas prasekolah secara holistik dengan tumpuan terhadap pemahaman tentang konteks tersebut mempengaruhi guru.

Sebagai instrumen yang utama, pengkaji menghabiskan masa di lokasi dalam jangka masa yang lama iaitu selama empat bulan. Selain daripada itu, kajian yang dijalankan juga mempunyai ciri-ciri interpretif dengan memberi penekanan kepada memahami fenomena yang dikaji dari perspektif peserta kajian itu sendiri. Interpretasi atau rumusan tentang data yang memberi makna kepada konteks kajian. Bersesuaian dengan ciri genetik, data yang dikumpulkan adalah menerusi kaedah pemerhatian, kaedah temu bual, rakaman audio-visual dan analisis dokumen yang berkaitan, di samping dianalisis dengan bermaksud kerangka konseptual (Merriam, 2001).

### ***Pemilih Lokasi dan Peserta Kajian***

Selaras dengan ciri-ciri penyelidikan kualitatif yang dibincangkan di atas, kajian ini menggunakan persampelan bertujuan atau kriteria, iaitu lokasi dan individu dipilih dengan sengaja untuk memahami fenomena utama kajian. Pengkaji menentukan kriteria bagi pemilihan tersebut berdasarkan piawai atau standard yang digunakan iaitu sampel yang “kaya maklumat” (*information rich*).

Bagi pemilihan lokasi kajian, satu kriteria penting adalah kemudahan infrastruktur iaitu kawasan, kemudahan, dan peralatan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Prasekolah. Oleh itu, dua buah sekolah rendah di sekitar daerah Besut, Terengganu telah dipilih. Sekolah-sekolah yang dipilih adalah sekolah yang mempunyai kemudahan asas yang seperti mempunyai kemudahan kelas prasekolah yang sesuai; keadaan persekitaran fizikal sekolah yang sederhana dari aspek kawasan, kemudahan asas dan peralatan pembelajaran prasekolah yang sesuai; dan sekolah yang terhad kawasan, kemudahan dan peralatan untuk tujuan pengajaran. Kedua-dua jenis sekolah dipilih adalah yang menggambarkan variasi daripada aspek kawasan, kemudahan dan peralatan untuk Pendidikan Prasekolah di rujuk oleh Creswell (2003, 2008) sebagai variasi iaitu strategi persampelan yang digunakan untuk mendapatkan pelbagai perspektif.

Satu lagi kriteria pemilihan lokasi adalah memperoleh persetujuan daripada *gatekeepers* iaitu individu yang mempunyai autoriti bagi membenarkan kajian ini dijalankan (Marshall & Rossman, 1999). Sebelum kajian dijalankan, pengkaji akan mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), serta Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu (JPNT). Setelah itu, perbincangan dibuat dengan pihak pentadbir sekolah dan guru-guru prasekolah untuk mendapatkan persetujuan mereka.

Di setiap lokasi atau sekolah yang dipilih, pemilihan peserta kajian dibuat dalam kalangan individu yang mampu membekalkan maklumat yang kaya dan mendalam serta sanggup memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada pengkaji (Bogden & Biklen, 2007; Maxwell, 2005). Pemilihan peserta kajian juga dibuat berasaskan beberapa kriteria tertentu (Merriam, 2001) iaitu terdiri daripada individu yang mengajar Pendidikan Prasekolah di kelas Prasekolah, serta mempunyai kepelbagaian dan perbezaan daripada aspek latar belakang pendidikan atau latihan dan pengalaman. Perbezaan ini termasuklah memilih peserta kajian dalam kalangan mereka yang opsyen Pendidikan Prasekolah dan bukan opsyen Pendidikan Prasekolah. Mereka juga memperoleh latihan ikhtisas dari institusi pengajian tinggi yang berbeza.

Di samping itu, kesemua peserta kajian iaitu Murni, Azmi, Ani dan Siti. (kesemuanya nama samaran) dipilih dalam kalangan mereka yang mempunyai pengalaman yang berbeza. Hal ini termasuklah perbezaan daripada aspek-aspek seperti pengalaman kerjaya, pendedahan dan keterlibatan dalam kursus-kursus yang melibatkan pendedahan peningkatan profesionalisme, pengajaran dan pembelajaran, penyusunan dan pemurnian rancangan tahunan di peringkat-peringkat tertentu, dan kursus atau seminar yang pernah mereka hadiri. Ringkasan lokasi, peserta kajian dan kategori kelas prasekolah yang dipilih adalah seperti yang tertera di bawah (Jadual 1.1).

Jadual 2.4.1

*Ringkasan Lokasi, Peserta kajian dan Kategori Sekolah/kelas prasekolah*

Lokasi	Peserta kajian	Kategori Sekolah
SK1	Murni Azmi	Sekolah yang terhad kemudahan, kawasan dan peralatan untuk tujuan Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Prasekolah.
SK 2	Ani Siti	Sekolah yang mempunyai kemudahan bangunan prasekolah yang sesuai, kemudahan padang permainan, alatan permainan fizikal luar dan alatan pembelajaran yang lengkap.

Pemilihan peserta juga dibuat berdasarkan persetujuan mereka untuk memberi maklumat dan kerjasama di sepanjang tempoh kajian.

### ***Peranan Pengkaji***

Penyelidikan Kualitatif memerlukan penyelidik bertindak sebagai instrumen yang utama (Bogden & Beiklen, 2007; Merriam, 2001) dan bermakna pengkaji terlibat dalam kerja lapangan dan berada di tapak kajian selama enam bulan. Bersesuaian dengan tujuan kajian, pengkaji memainkan peranan sebagai pemerhati sepenuhnya iaitu memisahkan diri daripada perkara yang dikaji dengan menjalankan pemerhatian dari jauh (non-participant observer). Peranan ini memerlukan kepekaan yang tinggi bagi memahami maksud dan kefahaman yang baik terhadap data yang dikumpul (Strauss & Corbin, 1990).

### ***Prosedur Kajian***

Prosedur kajian melibatkan empat peringkat iaitu:

1. Perancangan
2. Pelaksanaan
3. Analisis data, dan
4. Laporan

Peringkat perancangan merangkumi merancang bagi memperoleh kebenaran daripada pihak sekolah bagi menjalankan penyeliaan terhadap empat orang peserta kajian dari empat buah prasekolah yang terlibat. Selepas mendapat kebenaran proses pengumpulan data dilaksanakan dengan melaksanakan pemerhatian



pengajaran, melaksanakan temu bual, membuat analisis dokumen berkaitan. Proses pengumpulan data preliminary ini dilaksanakan selama tiga bulan.

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan kaedah pemerhatian, kaedah temu bual, rakaman audio visual sesi pengajaran dan pembelajaran serta analisis dokumen yang berkaitan. Penggunaan ketiga-tiga kaedah tersebut digalakkan dalam penyelidikan Kualitatif untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dalam dapatan (Merriam, 2001).

Kaedah triangulasi merupakan pengalaman pelbagai sumber data yang dikumpul menerusi kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen untuk memperkukuhkan dapatan kajian (Merriam, 2001). Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian dan temu bual dengan guru digunakan untuk mengesahkan pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan yang berlaku di kelas prasekolah. Di samping itu pengkaji juga menemu bual pentadbir sekolah, ketua panitia dan beberapa orang guru untuk mengesahkan kajian. Pengkaji juga akan menggunakan strategi semakan ahli iaitu peserta kajian diberi peluang untuk melihat transkripsi dari pemerhatian, temu bual serta analisis dokumen yang dibuat.

Peringkat terakhir ialah peringkat menyediakan laporan. Laporan kajian dibuat mengikut kategori atau tema yang dibina berdasarkan analisis kandungan. Kategori yang dibina adalah bagi menjawab persoalan kajian.

### ***Kerangka Konseptual***

Kerangka Konseptual atau kerangka teori yang mendasari kajian ini datangnya daripada perspektif pelaksanaan kurikulum. Seperti yang dirumuskan oleh Marsh dan Willis (2007), pelaksanaan sesebuah kurikulum dapat dikaji dengan menggunakan tiga pendekatan iaitu perspektif fideliti atau *fidelity of implementation perspective*, perspektif adaptasi atau *adaptation perspective* dan perspektif *enactment*. Oleh kerana aktiviti yang terkandung dalam Pendidikan Prasekolah bersifat Unit, kompleks dan dinamik, perspektif adaptasi adalah lebih sesuai digunakan untuk melihat proses pelaksanaan kurikulum ini di sekolah (Cho, 1998). Bagi kajian ini, pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah dilihat menerusi perspektif adaptasi yang melibatkan tiga elemen, iaitu jenis kurikulum (Cuban, 1992; Schmidt et al., 1996; Ruiz-Primo, 2006), dimensi kurikulum (Leithwood & Montgomery, 1980; Madaus & Kellaghan, 1992; Mortimer & Scott, 2000), dan adaptasi dalam pelaksanaan kurikulum (Marsh & Willis, 2007).

Menurut Cuban (1992), jenis kurikulum boleh dikategorikan sebagai kurikulum yang dihasratkan atau *intended curriculum*, kurikulum yang diajar atau *taught curriculum* dan kurikulum yang dipelajari oleh maulud atau *learned curriculum* (Cuban, 1992). Kurikulum yang dihasratkan merupakan kurikulum yang seharusnya murid-murid terima, digubal berdasarkan teori-teori pengajaran dan pembelajaran untuk menghasilkan isi kandungan, pedagogi atau kaedah pengajaran serta bahan-bahan pengajaran yang bersesuaian dengan tahap umur serta kebolehan murid-murid (Cuban, 1992; Marsh & Willis, 2007; Schmidt et al., 1996).

Di Malaysia, kurikulum yang dihasratkan untuk Pendidikan Prasekolah yang terkini ialah Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dilaksanakan mulai tahun 2010. Kurikulum yang diajar merupakan pengajaran dan pembelajaran yang diajar secara formal atau tidak formal di bilik darjah dan di sekolah. Dalam konteks kajian, kurikulum yang diajar merupakan pengajaran dan pembelajaran prasekolah yang sebenar berlaku di bilik darjah. Manakala kurikulum yang dipelajari oleh, murid merujuk kepada perkara yang murid peroleh daripada pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan (Cuban, 1992; Marsh & Willis, 2007; Porter, 2004; Schmidt et al., 1996).

Dimensi kurikulum pula terdiri daripada pegangan teori, kandungan atau bahan kurikulum, pemindahan pengajaran atau *instructional transactions*, dan hasil pembelajaran (Leithwood & Montgomery, 1980; Madaus & Kellaghan, 1992; Mortimer & Scout, 2000). Walau bagaimanapun, fokus kajian ini hanyalah terhadap pemindahan pengajaran oleh guru selaku agen pelaksana kurikulum di sekolah. Dalam pemindahan pengajaran, guru berhadapan dengan tiga fasa yang terdiri daripada rantaian perancangan, pelaksanaan atau


penyampaian, dan penilaian (Darst & Pangrazi, 2006; Mosston & Ashworth, 2002; Orlich, Harder, Callahan, Trevisan & Brown, 2007). Fasa perancangan merupakan keputusan bertulis mengandungi perkara yang perlu dirancang sebelum pemindahan pengajaran dilakukan.

Menurut Mosston dan Ashworth (2002), dalam merancang pengajaran dan pembelajaran, perkara yang perlu difikirkan meliputi objektif pengajaran, pemilihan strategi dan kaedah, isi kandungan, aktiviti, peruntukan masa, dan pengurusan bilik darjah itu sendiri. Fasa pelaksanaan dan merupakan pemindahan pengajaran dan pembelajaran hasil daripada perancangan yang dilakukan. Manakala fasa penilaian pula merupakan perkara yang dilakukan oleh guru terhadap murid dalam menilai atau mentafsir perkembangan dan kemajuan mereka di samping menilai pemindahan pengajaran dan pembelajaran guru (Darst & Pangrazi, 2006; Mosston & Ashworth, Orlich at al, 2007). Aspek adaptasi merupakan pengubahsuaian yang dilakukan oleh guru dalam memenuhi matlamat sesebuah kurikulum. Ia boleh dilihat sama ada menerusi kaedah penyelidikan kuantitatif atau kualitatif. Kaedah kualitatif melibatkan pemerhatian di bilik darjah serta temu bual dalam kalangan guru, pentadbir, murid dan warga sekolah serta analisis dokumen yang berkaitan. Kaedah ini telah digunakan dalam kajian ini memandangkan kaedah ini mampu memerihalkan dan memahami secara mendalam akan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah di kelas prasekolah.

Pelaksanaan sesebuah program tidak dapat lari daripada melalui adaptasi berdasarkan proses rundingan naturalistik (*process of naturalistic negotiation*) dengan menghormati matlamat utama yang dikehendaki oleh penggubal bagi mendapatkan kejayaan dalam pelaksanaannya (Berman & Mc Laughlin, 1976). Fullan (2001) telah menyenaraikan tiga faktor utama yang mempengaruhi kejayaan dalam pelaksanaan kurikulum di sekolah iaitu faktor yang memerlukan inovasi dalam perubahan seperti keperluan (*need*), kejelasan matlamat (*clarity*), kompleksiti atau kesukaran (*complexity*) dan kualiti serta praktikaliti (*quality and practicality*) sesebuah program; faktor yang dimainkan oleh individu tempatan (*local roles*) yang melibatkan daerah, komuniti setempat, pentadbir dan guru; dan faktor-faktor luaran (*external factors*) yang melibatkan pelaksanaan dasar dan polisi.

Perspektif adaptasi bertujuan untuk mengetahui adaptasi yang dilakukan oleh guru dalam pelaksanaan kurikulum yang dilakukan dalam realiti sebenar (Marsh & Willis, 2007). Dan inilah salah satu daripada tujuan kajian, iaitu untuk mengetahui pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, di kelas prasekolah dengan memberi fokus kepada proses sebenar yang berlaku dalam amalan pengajaran dan pembelajaran. Kerangka Konsep: Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Prasekolah dari Perspektif Adaptasi (Marsh dan Willis, 2007).





Rajah 3.1. Kerangka Konsep: Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Prasekolah dari Perspektif Adaptasi (Marsh dan Willis, 2007)

### ***Kepentingan Kajian***

Kajian terhadap pelaksanaan sesebuah kurikulum memberi kefahaman tentang peranan yang dimainkan guru sebagai agen pelaksana kurikulum di sekolah seperti yang dihasratkan oleh Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Kajian sebegini juga penting ke arah penambahbaikan dari semasa ke semasa (Dusenbury, Branningan, Falco and Hansen, 2003; Graber, 2001). Menurut Dusenbury at al, (2003), dengan menjalankan kajian terhadap pelaksanaan sesebuah kurikulum, kefahaman terhadap faktor-faktor penyebab kejayaan dan kegagalan mampu dikenal pasti serta diatasi pada masa-masa yang akan datang. Kajian terhadap pelaksanaan sesebuah kurikulum juga membantu dalam mengetahui sama ada matlamat dan objektif yang ditetapkan dapat dipenuhi atau sebaliknya. Sekiranya tiada data yang diperolehi, sukar untuk menentukan kejayaan atau kegagalan pelaksanaan sesebuah kurikulum (Dane & Schneider, 1998). Tambahan pula, sesebuah kurikulum yang dirangka melibatkan curahan masa, tenaga dan kepakaran (Fullan, 2001). Justeru, bagi mendapatkan

maklum balas pelaksanaan kurikulum, wajar dijalankan kajian bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil demi kebaikan murid, guru, pentadbir dan masyarakat.

Selain itu, kajian terhadap pelaksanaan kurikulum ini juga penting bagi tujuan penambahbaikan khususnya dalam mengetahui perkara yang menyebabkan kurikulum ini tidak dilaksanakan seperti yang dihasratkan. Sedangkan, kurikulum ini merupakan landasan yang terbaik untuk melatih murid ke arah perkembangan individu yang syumul, selari dengan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998). Hasil kajian dapat membantu ke arah penambahbaikan dari semasa ke semasa khususnya kepada organisasi yang terlibat dalam mata pelajaran ini dan juga perancang kurikulum di peringkat pusat.

Kajian terhadap pelaksanaan kurikulum juga memainkan peranan penting dalam menyumbangkan maklumat bagi tujuan penambahbaikan polisi yang sedia ada. Maklumat yang diperoleh memberi kefahaman yang jelas terhadap perkara yang mendorong terhadap kejayaan pelaksanaan khususnya dari aspek perancangan, pelaksanaan dan penilaian (Cumiskey, 2007). Pelaksanaan kurikulum dianggap berjaya apabila guru melaksanakan seperti yang dihasratkan oleh kurikulum kebangsaan, dan kejayaan dalam pelaksanaan juga bergantung kepada adaptasi yang dilakukan berdasarkan persekitaran yang dihadapi (Berman & McLaughlin, 1976; Marsh & Willis, 2007; Snyder, Bolin & Zumwalt, 1992). Tanpa kajian dan pemerhatian yang berterusan, segala perubahan perancangan serta strategi pengajaran yang disarankan jarang menemui kejayaan seperti yang diinginkan oleh pihak yang berwajib (Ruiz-Primo, 2006).

Dapatan daripada kajian ini juga diharap dapat menyumbang kepada himpunan data tentang pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah di Malaysia. Hal ini kerana, terlalu kurang kajian-kajian dijalankan dalam memahami senario pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah di sekolah (De Vries, 2004, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Data sedemikian boleh menjadi garis panduan kepada individu atau organisasi yang berkenaan seperti guru, pentadbir di sekolah, pensyarah-pensyarah Institusi Pendidikan Guru (IPG), Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha mereka memperkemaskan dan mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah di negara kita.

### ***Delimitasi Kajian***

Kajian terhadap pelaksanaan sesebuah kurikulum boleh dilihat menerusi tiga pendekatan iaitu dari perspektif fideliti, adaptasi dan *enactment* (Cho, 1998; Marsh & Willis, 2007; Snyder, Bolin & Zumwalt, 1992). Namun, kajian ini melihat pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah dari perspektif adaptasi sahaja, iaitu apakah faktor-faktor yang mempengaruhi adaptasi yang guru lakukan.

Tumpuan kajian hanyalah kepada empat buah kelas prasekolah di dua buah sekolah rendah yang terletak di sekitar daerah Besut, Terengganu. Sekolah-sekolah yang dipilih merupakan sekolah yang mempunyai kemudahan infrastruktur yang pelbagai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Prasekolah iaitu sekolah yang lengkap dari segi kemudahan asas bagi tujuan pendidikan prasekolah seperti kelas prasekolah yang sesuai, sekolah yang mempunyai padang dan taman permainan yang dilengkapi dengan alatan permainan luar; sekolah yang sederhana dari aspek saiz kelas, kemudahan dan peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran; dan prasekolah yang terhad kawasan dan kemudahan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran pendidikan prasekolah. Selain itu, kajian ini dijalankan tanpa mengkaji budaya sedia ada yang terdapat di kelas-kelas prasekolah yang terlibat.

Kajian ini dijalankan terhadap empat orang guru yang mempunyai perbezaan dari aspek pengalaman dan latihan yang mereka terima di peringkat ikhtisas. Namun, tiada usaha untuk mengkaji kurikulum pengajian ikhtisas semasa mereka belajar di institusi pengajian tinggi dahulu terutamanya bagi guru-guru opsyen pendidikan prasekolah. Latar belakang pendidikan ikhtisas responden adalah berbeza iaitu ada yang

mendapat latihan di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan ada yang mendapat latihan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

### *Limitasi Kajian*

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang lazimnya melibatkan sampel yang kecil kerana dijalankan dalam latar semula jadi pada satu jangka masa yang panjang. Kajian ini dijalankan terhadap empat orang guru yang mengajar Pendidikan Prasekolah, selama enam bulan. Bilangan sampel yang kecil ini bermakna dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada semua guru yang mengajar Pendidikan Prasekolah di seluruh Malaysia. Namun, selaras dengan konsep generalisasi alternatif, iaitu *reader* atau *user generalizability* (Merriam, 2001) membiarkan sejauh mana dapatan kajian dapat diaplikasikan kepada situasi lain kepada orang atau pembaca yang berada di situasi itu. Generalisasi begini juga dipanggil “pemindahan kes kepada kes” (*case to case transfer*). Untuk itu pengkaji telah memberikan deskripsi yang cukup terperinci tentang konteks kajian untuk membolehkan pembaca membandingkan padanan (*fit*) dengan situasi mereka.

### *Data Preliminary*

Kajian ini mendapati faktor utama yang mempengaruhi guru dalam membuat adaptasi untuk memenuhi matlamat dan objektif kurikulum adalah tahap pemahaman guru, kemudahan peralatan dan infrastruktur. Kajian juga mendapati ruang untuk melakukan adaptasi kurikulum adalah sangat besar kerana status tahap pemantauan yang masih kurang dilakukan sama ada di peringkat Kementerian (Nazir), Jabatan Pelajaran, PPD dan juga oleh pihak pentadbir sesebuah sekolah. Perkara ini jugalah yang mempengaruhi sikap sambil lewa dan ambil mudah sebilangan guru pendidikan Prasekolah dalam menjalankan tugas sebagai pelaksana kurikulum, iaitu guru pada luarannya (dalam buku rancangan mengajar) kelihatan seperti melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut apa yang dicatat atau dirancang di dalam kelas prasekolah. Jurang perbezaan ini adalah bergantung pada faktor sikap, minat dan konsepsi guru tentang kepentingan Pendidikan prasekolah dan peranan mereka berhubung dengan perkara itu. Dapatan kajian juga menunjukkan, kurikulum ini dapat dilaksanakan dengan berkesan walaupun diajar oleh guru yang tidak terlatih (bukan guru opsyen) dalam mata pelajaran itu, tetapi berminat dan bertanggungjawab terhadap peranan mereka sebagai pelaksana kurikulum di sekolah.

Kajian Berliner (2001), guru-guru novis lazimnya mengikut dengan tepat arahan dan prosedur yang digariskan. Dapatan kajian ini membawa implikasi bahawa perancangan kurikulum Pendidikan Prasekolah perlu mengambil kira ciri-ciri unik kurikulum ini dengan memberi penekanan terhadap adaptasi yang bersesuaian contohnya berhadapan dengan kekangan kemudahan dan peralatan. Di samping itu minat guru dan minat murid perlu diambil kira. Melalui cara ini matlamat murni kurikulum akan tercapai iaitu melahirkan insan yang seimbang.

### **KESIMPULAN**

Perancangan dan penggubalan kurikulum sesebuah mata pelajaran akan disusuli dengan pelaksanaannya di peringkat sekolah. Pelaksanaan yang cekap dan berkesan disandarkan kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran tersebut (Berliner, 2001; Datnow, 2000). Dalam hal ini, pencapaian matlamat dan objektif kurikulum yang berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan sasaran yang mesti diberi keutamaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005).

Pembentangan ini hanya sebagai kertas cadangan penyelidikan peringkat kedoktoran, jadi kajian sebenar belum lagi dilaksanakan. Data yang diperoleh hanya data preliminary. Kajian preliminary ini adalah bertujuan membolehkan pengkaji berpeluang mencuba protokol temu bual dan pemerhatian serta membiasakan diri dengan kaedah pengumpulan data secara kualitatif, menganalisis dan mendeskripsi latar semula jadi berdasarkan perkara yang dilihat, didengar dan diperkatakan oleh peserta kajian sahaja. Namun adalah diharapkan kajian ini dapat membantu memberi kefahaman tentang peranan yang dimainkan guru sebagai agen pelaksana kurikulum di sekolah seperti yang dihasratkan oleh Kurikulum Standard Prasekolah

Kebangsaan. Kajian sebegini juga penting ke arah penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi mengetahui kejayaan dan kekangan pelaksanaannya. Hal ini kerana pelaksanaannya secara berkualiti mampu membangunkan potensi murid dari aspek perkembangan secara holistik dan menyeluruh sebagai mana dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kajian ini diharapkan dapat memberi kefahaman yang menyeluruh tentang pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dan peranan yang dimainkan oleh guru terhadap pelaksanaan tersebut. Menurut Cummiskey (2007), pengetahuan tentang pelaksanaan kurikulum akan menjelaskan peranan yang dimainkan oleh guru dari aspek perancangan, pelaksanaan, dan penilaian. Hasil daripada kajian pelaksanaan kurikulum yang sedemikian memberi gambaran yang jelas tentang perkara-perkara yang perlu dititikberatkan ke arah penambahbaikan dari semasa ke semasa (Johnson, 2007) khususnya kepada organisasi yang terlibat dalam mata pelajaran ini dan juga perancangan kurikulum di peringkat pusat. Selain itu, kajian ini dapat memberi manfaat kepada Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) agar memperkemas serta melengkapkan guru-guru pelatih opsyen pendidikan prasekolah di Institut-institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di Malaysia. Hal ini penting bagi memastikan guru pelatih dilengkapi dengan ilmu yang mencukupi tentang pengetahuan kandungan, kaedah, strategi dan teknik pengajaran supaya mereka yakin dan bersedia untuk menjalankan tugas.

## RUJUKAN

- Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman. (2003). *Falsafah pendidikan dan kurikulum*. Tanjung Malim, Perak: Quatum Books.
- Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman. (2008). *Falsafah pendidikan dan kurikulum*. Tanjung Malim, Perak: Quatum Books.
- Abraham, S.J. (1978). *The influence of preschool education on school attainment and adjustment: A study of children in selected primary school in Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan: Universiti Malaya.
- Adler, P.A. , & Adler, P. (1994). Observational techniques. Dalam N.K. Denzin& YS. Lincoln (Eds.), *Handbook of Qualitative Research* (hlm. 377-392). Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Ahmad Shahabudin Che Noh, Shahizan Hasan (2005) *Panduan Merancang Aktiviti Prasekolah*, Pahang:PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Aini Hassan, (2004). Penggunaan pelbagai teknik mendapatkan data kualitatif pengetahuan guru. Dalam MarohainiYussof (Ed.), *Penyelidikan kualitatif pengalaman kerja lapangan kajian* (hlm. 253-301). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Atan Long. (1991) *Pendidikan dan Pendidikan*. Petaling Jaya. Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Akker, J.J.H. van den. (2003). Curriculum perspectives: an introduction. Dalam J. van den
- Akker, W. Kuiper & U. Hameyer (Eds.), *Curriculum landscape and trends* (hlm. 1-10). Dordrecht: Kluwer Academic Publishers.
- Akta Pendidikan 1996. (2006). Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & peraturan-peraturan terpilih hingga 20 hb. Julai 2006. Kuala Lumpur. ILBS.

- Allen, J.P., Philliber, S., & Hoggson, N. (1990) School-based prevention of teen-age pregnancy and school dropout: process evaluation of the national replication of the Teen Outreach program. *American Journal of Community Psychology*, 18, 505-524.
- Almy, M. (1984). A Child Right TO Play in JF. Brown (Ed). *Administrating for young children*. Washington: NAEYC
- Azizah Lebai Nordin (1995). *Pengajaran pembelajaran Prasekolah*. Masalah Pendidikan, 19. 11-25
- Atan Long. (1969/70). "Masalah Kelemahan Pelajaran Bacaan di Sekolah Kebangsaan dan Cadangan Mengatasinya" Masalah pendidikan. Vol 2, No. 1. September 1969/70, 288-297
- Bandura, A. (1973). *Aggression: Social learning analysis*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall
- Bazely, P. (2007). *Qualitative data analyst with NVivo*. London: Sage Publications, Inc.
- Berliner, D. C. (2001). Learning about and learning from expert teachers. *International Journal of Education Research*, 35, 463-482.
- Berman, P. (1980). Thinking about programmed and adaptive implementation: Matching strategies to situations. Dalam H. Ingram & D. Mann (Eds.), *Why policies succeed or fail* (hlm.205-227). Sage Publications, Inc.
- Berman, P. (1981). *Educational change: An implementation paradigm*. Dalam Lehming & M. Kane (Eds.), *Improving schools: Using what we know* (hlm. 253-286). Sage Publications.
- Berman, P., & McLaughlin, M.W. (1976). Implementation of educational innovation. *Educational Forum*, 40, 347-370.
- Berman, P., & McLaughlin, M.W. (1976). *Federal programs supporting educational change. Vol VII: factors affecting implementation, and continuation: Santa Monica, CA: Rand*.
- Berman, P., & McLaughlin, M.W. (1976). *Federal programs supporting educational change. Vol VIII: factors affecting implementation, and continuation: Santa Monica, CA: Rand*.
- Bidwell, C.E., & Dreeben, R. (1992). School organization and curriculum. Dalam P. Jackson (Ed.), *Handbook of Research on Curriculum* (hlm.345-361). New York: Mac Millan Publishing Company.
- Bloom, H.S., Rock, J., Ham, S., Melton, L., & O'Brien, J. (2001). *Evaluating the accelerated schools approach*. New York: MDRC.
- Bogdan, S. (2003). Teacher cognition in language teaching, 36, 81-109
- Borich, G.D. (1996). *Effective teaching method (3rd ed.)*. New Jersey: Prentice Hall.
- Bork, W.R., Gall, J.P. & Gall, M. D. (1993). *Applying educational research: A practical guide* (3<sup>rd</sup> ed.). New York: Longman.
- Bongtson, A. (1970). *Environmental planning for children's play*. London: Crosby Lockwood & Son Ltd.
- Brophy, J. (1979). Teacher behavior and its effects. *Journal of Educational Psychology*, 71, 733-750.

- Brophy, J. (1979). How teacher influence what is taught and learned in classrooms. *The Elementary School Journal*, 83(1), 1-13.
- Brown, R.A. (2007). *Curriculum consonance in technology education classrooms: The official, intended, implemented, and experienced curricula*. Unpublished doctoral dissertation, Indiana University. (UMI No. 3278212).
- Bussis, A., Chittenden, E., & Amarel, M (1976). *Beyond surface curriculum*. Boulder, CO: Westview Press.
- Burnett, H.W. (1986). *First Lessons: A Report On Elementary Education In Amerika*. Washington D.C.: US Government Printing Office.
- Cho, J. (1998). Rethinking curriculum implementation: Paradigms, models, and teachers' work. A paper presented at the annual meeting (April 1998) at the American Educational Research Association. San Diego, CA. (Document Reproduction Service No. ED3421767)
- Christie, B. (2000). Topic teamwork: A collaborative models for increase student-centered learning in grades K-12. *Journal of Physical Education, Recreation and Dance*, 71 (8), 28-33.
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative and quantitative approaches* (2<sup>nd</sup> ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Creswell, J. W. (2008). *Research Design: Qualitative and quantitative approaches* (3<sup>rd</sup> ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Cuban, L. (1992). Curriculum stability and change. Dalam P. Jackson (Ed.), *Handbook of research on curriculum* (hlm. 216-242). New York: Macmillan Publishing Company.
- Cuban, L. (1995). The hidden variable: How organizations influence teacher responses to secondary science curriculum reform. *Theory Into Practice*, 34(1), 4-11.
- Cohen, DH. Et. Al. (1977). *Kindergarden and Early Schooling*. Englewood Cliffs, Jersey: Prentice-Hall
- Dwight L. Rogers & Dorene Doerre Ross. *Encouraging Positive Social Intraction Among Young Children*
- Gayle Mindes, Ed. D, Harold Ireton, Ph.D, Carol Mardell-Czudnowski, Ph.D (1996) United States of America: Delmar Publishers.
- Kasnani Ab Karim, Norbe Md. Nor, Nazimah Abdullah (2005), *Perkembangan Pendidikan Prasekolah untuk Kursus Persediaan dan KPLI (Pendidikan Awal Kanak-kanak), Bahagian 1*, Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementarian Pendidikan Malaysia (2003) *Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Percetakan Dawama Sdn Bhd.
- Kementarian Pendidikan Malaysia (2003) *Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Percetakan Rina Sdn Bhd.
- Kementarian Pendidikan Malaysia (2008) *Panduan Pengurusan Pendidikan Prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia*, Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Kementarian Pendidikan Malaysia (2010) *Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, Kementerian Pelajaran Malaysia*, Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.



- Rohani Abdullah, Nani Menon & Mohd. Sharani Ahmad (2003), *Panduan Kurikulum Prasekolah*, Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Rohaty Mohd. Majzub dan Abu Bakar Nordin, (1989). *Pendidikan Prasekolah*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Fatimah Salleh, Khadijah Zon dan Zurida Ismail (1993/94). *Kurikulum Pendidikan Awal: Ke Arah Pendidikan holistik*. *Pendidik dan Pendidikan* 12, 33-44
- Halim Hamid. (1989). *Impact on preschool intervention on lower economic status children in Malaysia*. Unpublished doctoral dissertation, University of Michigan. Ann Arbor.
- Hassan Langulung. (1979). *Pendidikan Islam: Suatu analisis sosio-psikologi*, Kuala Lumpur. Penerbitan Pustaka Antara.
- Halimah Abdul Rahman. (1994). *Pengajaran Bertema di Pusat Prasekolah*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Khadijah Rahani Mohd. Yunus (1992). *Psikologi dan fisiologi kanak-kanak: kaitannya dengan kurikulum prasekolah*. Bengkel Kurikulum Pendidikan Prasekolah anjuran KPM . (Tidak diterbitkan)
- KPM, *Huraian garis panduan Kurikulum*. Kerajaan Malaysia (1986), RMK kelima (1986-1990)
- KPM, (1987). Laporan pengesanan KBSR: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- RohatyMohdMajzub. (1989). *Pendidikan Prasekolah*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- RohatyMohdMajzub (1989). “*Beberapa dimensi pend prasekolah menjelang abad ke 21 dan selepasnya’ Aliran dan amalan pendidikan menjelang abab ke-21*. Kuala Lumpur.UKM.
- Segaran a/l Apoo. (1996). *Identifikasi kanak-kanak rendah kesediaan pembelajaran di peringkat prasekolah*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. UM, KL.
- Spodek, B.(ed). (1983). *Handbook of Research in Early Childhood Education*. New York: The Free Press.
- Zawawi Ismail (2008). *Penilaian pelaksanaan kurikulum kemahiran bertutur Bahasa Arab komunikasi di sekolah menengah kebangsaan agama*. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.